

Labur RM5.5j

Kolej Pelancongan Mayflower mula operasi 2012

>>Oleh Shanty Nur Shaffizan
Shafee

shantynur@hmetro.com.my

PENERAJU perkhidmatan pelancongan, Mayflower Travel Group (MTG) melabur RM5.5 juta bagi menubuhkan Kolej Pelancongan Mayflower yang dijangka beroperasi di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur pada suku kedua 2012.

Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan dan Kerjasama Strategiknya, Abdul Rahman Mohamed berkata, Mayflower dengan pengalaman lebih 50 tahun, kini melangkah setapak lagi untuk meningkatkan kualiti pendidikan dalam sektor pelancongan yang menjadi antara tunjang ekonomi utama negara.

"Kami berasaskan sudah sampai masanya untuk menyumbang kepada pembangunan sumber manusia. Dengan mempunyai institut pendidikan sendiri, pelajar yang menamatkan pengajian boleh terus bekerja dengan syarikat kami selain pekerja



BINCANG... Abdul Rahman (tiga dari kiri) yakin kolejnya mampu tingkatkan pendidikan sektor pelancongan.

sedia ada menyambung pelajaran ke tahap lebih tinggi bagi meningkatkan kualiti kerjaan masing-masing.

"Kolej ini menawarkan empat program iaitu Diploma Pelancongan, Pengurusan Hotel serta Pemasaran Pelancongan serta Sijil Pelancongan dan Pengembalaan yang disasarkan kepada 300 pelajar pada pengambilan pertamanya," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Beliau berkata, selain menubuhkan kolej, syarikatnya kini secara agresif menawarkan perniagaan francais de-

ngan sasaran enam lagi francais bagi sehingga suku pertama tahun depan.

"Mayflower mempunyai 19 cawangan di seluruh negara dan lima francais di Kota Damansara, Subang Jaya dan Puchong. Kami membuat pemilihan yang ketat bagi memastikan jenama Mayflower yang dibina dalam tempoh 50 tahun terus berstabilan."

"Modal permulaan bagi menjadi francais bermula antara RM150,000 hingga RM200,000 dengan fokus perniagaan menjual produk sedia ada," katanya.